

Paras air Sungai Perak meningkat

Ipoh: Pelepasan air dari Empangan Chenderoh yang masih melebihi 700 meter padu dan hujan lebat mengakibatkan paras air Sungai Perak belum stabil sehingga ada kawasan yang surut sejak beberapa hari lalu kembali melimpah, semalam.

Setakat jam 5 petang, paras air Sungai Perak di dua kawasan meningkat, iaitu Kampung Gajah 7.4 meter melepasi paras bahaya, manakala di kawasan Parit 20.06m melebihi paras amaran 19.80m dan menghampiri paras bahaya 21.6m.

Bagaimanapun, bacaan di Jambatan Iskandar, Teluk Sena dan Tanjung Tualang menurun.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Perak, Datuk Abdul Razak Dahalan berkata, pelepasan air Empangan Chenderoh masih tinggi iaitu melebihi 700 meter padu, berbanding antara 100 hingga 200 meter dalam keadaan biasa.

“Mengambil kira keadaan sekarang di mana luahan dari Empangan Chenderoh masih banyak, iaitu antara 750 hingga 800 meter padu, ini mengakibatkan paras air Sungai Perak di Kuala Kangsar masih tidak stabil,” katanya.